

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (11)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 11 TAHUN 2013**

---

**Tarikh : 27 November 2013 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Arumugam a/l Kalimuthu                              | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Nasir bin Yusof                                | - | "                       |
| 7.  | Puan Norhesni binti Ismail                                | - | "                       |
| 8.  | Encik Sapiyan bin Mohd. Din                               | - | "                       |
| 9.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 10. | Dr. Loi Kheng Min   | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 11. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 12. | Encik Chong Hoon Ming                     | - | " |
| 13. | Puan Azizan binti Jamaludin               | - | " |
| 14. | Encik Jaber bin Ami                       | - | " |
| 15. | Encik Muzammil bin Hafiz                  | - | " |
| 16. | Puan Sazana binti Isa                     | - | " |
| 17. | Encik Chang Kim Loong, AMN                | - | " |
| 18. | Encik Cheah Sang Soon                     | - | " |
| 19. | Encik Loka Ng Sai Kai                     | - | " |
| 20. | Encik Michael Noel Jalleh                 | - | " |
| 21. | Encik Yap Kok Weng                        | - | " |
| 22. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh        | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                         |   |             |
|----|-------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Sufari bin Tinnin | - | "           |
| 3. | Encik Chia Yew Ken      | - | "           |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Puan Hamizun binti Mohd. Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Encik Norjafni bin Zainuddin  
Pengarah, Jabatan OSC
9. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Encik Noorhafez bin Nordin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
23. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
27. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
29. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
31. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
32. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
35. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
39. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

42. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
43. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
44. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
45. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
47. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
51. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
52. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
54. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
55. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

56. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
57. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
58. Encik Mazrul Zahar bin Mohd  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
59. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
60. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
61. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

### **URUSETIA**

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Muzammil bin Hafiz, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 Anugerah Dan Pengiktirafan Pencapaian Cemerlang Majlis Perbandaran Subang Jaya

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya memperolehi beberapa Anugerah dan Pengiktirafan daripada pihak SIRIM, Agensi-Agensi Kerajaan dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Anugerah ini diberikan sebagai pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam pengurusan pentadbiran dan organisasi bagi tahun 2013.

Berikut adalah senarai Anugerah dan Pengiktirafan yang telah berjaya diperolehi oleh MPSJ dalam bulan November 2013:-

#### 2.1.1 Anugerah Bandar Mampan 2012 Melalui Program Murni Nets Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2013

Pada 12 November 2013, MPSJ telah berjaya menerima Anugerah berikut :-

- i) **Anugerah Bandar Mampan 2012**
- ii) **Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Pengkomposan Sisa Pepejal**



### **2.1.2 Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013**

Sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013 pada 14 November 2013 MPSJ telah berjaya memperolehi Anugerah berikut :-

- i) Anugerah Menteri Besar Sempena Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) - 6 Tahun Berturut-Turut**
- ii) Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Kategori Pengurusan Organisasi Terbaik**
- iii) Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Kategori Perkhidmatan Teras Terbaik**

### **2.1.3 Majlis Anugerah Kualiti SIRIM 2013**

Pada 15 November 2013, MPSJ telah menerima **Pensijilan Green 5S** daripada pihak **SIRIM**.

### **2.1.4 Sambutan Hari Inovasi Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2013**

Pada 21 November 2013, MPSJ telah menerima **Anugerah Insentif Utama** bagi **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)**.

Sehubungan dengan pencapaian cemerlang MPSJ ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ termasuk Ahli Majlis MPSJ kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam membuat persiapan dan persediaan MPSJ untuk menghadapi penilaian bagi beberapa kategori anugerah yang disertai oleh MPSJ.

Sesungguhnya pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk digapai seandainya tiada kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan oleh semua Warga Kerja MPSJ dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ di atas pencapaian cemerlang ini.

## **2.2 Majlis Sambutan Deepavali Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013**

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Deepavali Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013 telah berlangsung dengan jayanya pada 08 November 2013 (Jumaat) jam 8.00 malam bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Indah, Puchong.

## **2.3 Majlis Pelancaran Kempen Ayuh Gempur Aedes Perdana Peringkat MPSJ Tahun 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Ayuh Gempur Aedes Perdana Peringkat MPSJ Tahun 2013 pada 10 November 2013 (Ahad) jam 8.30 pagi bertempat di Pangsapuri Lagoon Perdana, Bandar Sunway.

Majlis pelancaran kempen ini telah dirasmikan oleh Y.B. Puan Wong Keat Ping @ Elizabert Wong, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna Dan Alam Sekitar Negeri Selangor.

## **2.4 Majlis Pelancaran Skwad PANTAS PBT Selangor**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Pelancaran **Skuad PANTAS PBT Selangor** pada 16 November 2013 (Sabtu), jam 9.00 pagi bertempat di Taman Tasik Subang Ria, Jalan SS 12/1, Subang Jaya.

Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor.

Penubuhan Pasukan PANTAS PBT Selangor ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan sebarang bentuk bantuan kecemasan dan bencana yang berlaku di kawasan PBT masing-masing. Setiap PBT dikehendaki menubuhkan atau menjenamakan semula pasukan kecemasan mereka kepada Pasukan Tindakan Segera (PANTAS). Konsep penubuhan pasukan ini majoritinya menggunakan SOP Pengurusan Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) MPSJ.

Semua anggota yang dilantik telah mengikuti Kursus Asas Kemahiran Pasukan PANTAS yang telah diadakan pada 06 – 15 November 2013 yang lalu. Pendedahan seperti fungsi berpasukan, teknik asas penyelamat di dalam air dan teknik pemadaman api telah diberikan oleh pihak Bomba Dan Penyelamat Negeri Selangor.

MPSJ kini mempunyai 37 anggota Pasukan PANTAS termasuk 2 orang pegawai dan 14 anggota PANTAS Hotline yang bertugas 24 jam termasuk di luar waktu pejabat dan pada hari cuti umum. Pasukan PANTAS MPSJ boleh dihubungi di Bilik Gerakan di talian 03-8024 7700.

## **2.5 Majlis Penutup Program Alam Sekitar MPSJ Tahun 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Penutup Program Alam Sekitar MPSJ Tahun 2013 pada 18 November 2013 (Isnin), jam 12.00 tengah hari bertempat di Laman Kenanga, MPSJ.

Antara program yang diadakan ialah;

- i. Majlis Menandatangani MOU Kerjasama Program Biodiesel Kitar Semula Minyak Masak MPSJ & Fathopes Energy Sdn. Bhd.
- ii. Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Kawasan MPSJ 2013.
- iii. Penyampaian Hadiah Pertandingan Sekolah Sejahtera Peringkat MPSJ 2013.
- iv. Penyampaian Sumbangan Kemasyarakatan bagi Program Kitar Semula Untuk Kebajikan MPSJ dan NGO 2013.
- v. Penyampaian Sijil Penghargaan Stakeholder Program Kitar Semula MPSJ 2013.

## **2.6 Lawatan Delegasi 'Training Of International Trainers And Consultants In Green Productivity' Anjuran MPC**

Pada 11 November 2013 (Isnin), MPSJ telah menerima kunjungan seramai 17 orang delegasi daripada 12 buah Negara iaitu Cambodia, China, Fiji, Iran, Laos, Malaysia, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.

Hasil dari lawatan tersebut, MPSJ telah dipilih bagi Program Sangkutan Delegasi Antarabangsa di MPSJ bagi kajian kes yang dilaksanakan pada 26 – 27 November 2013. Kajian kes yang dipilih adalah seperti berikut:-

- i. Green City
- ii. Kitar Semula
- iii. Inovasi Penjimatan Tenaga

## **2.7 Audit Pensijilan Information Security Management System (ISMS)**

MPSJ sedang menjalani proses Audit Pensijilan Information Security Management System (ISMS). Audit ini berlangsung pada 26, 28 & 29 November 2013. Pasukan Audit ini diketuai oleh seorang Ketua Auditor dari UiTM Shah Alam bersama pasukan Audit yang terdiri daripada 1 auditor dari Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta 2 auditor dari MPSJ.

Seorang Pakar Pengurusan Keselamatan dari pihak MAMPU bertindak sebagai pemerhati. Skop audit pensijilan adalah berkaitan "Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat Bagi Operasi Pusat Data Majlis Perbandaran Subang Jaya".

## **2.8 Jemputan Ke Majlis Perasmian Program Selangor Agrofest 2013**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menganjurkan Program Selangor Agrofest 2013 bermula dari 28 November 2013 – 01 Disember 2013 bertempat di Bulatan Bazarena, Stadium Shah Alam. Majlis perasmian bagi program ini akan disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 29 November 2013 (Jumaat), jam 8.00 malam bertempat di Khemah Utama, Bulatan Bazarena, Stadium Shah Alam.

## **2.9 Lawatan Panel Penilai Dan Anugerah Zon Bersih 2013**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima kunjungan dan lawatan dari panel penilai bagi auditan Anugerah Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor 2013 pada 02 Disember 2013 (Isnin), jam 8.30 pagi – 5.00 petang bertempat di Balai Masyarakat, Jalan Teratai, Puchong Perdana.

Pihak Pengurusan MPSJ merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan Program Zon Bersih 2013 ini. Pihak Majlis turut mengharapkan agar MPSJ akan berjaya merangkul Anugerah Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi tahun 2013.

## **2.10 Kejohanan Catur Terbuka MPSJ 2013**

Kejohanan Catur Terbuka ini merupakan aktiviti tahunan di Kompleks 3C dan diadakan pada setiap kali musim cuti persekolahan hujung tahun ekoran penyertaan yang sangat menggalakkan. Sasaran penyertaan adalah seramai 300 orang.

Antara objektif kejohanan catur ini adalah untuk menyediakan platform kepada komuniti untuk bersaing secara sihat, menggalakkan penyertaan komuniti setempat di peringkat Majlis dengan aktiviti dan program yang berfaedah serta memperkenalkan dan mempromosikan program dan aktiviti yang dijalankan di Kompleks 3C, MPSJ.

Kejohanan Catur Terbuka MPSJ 2013 ini akan diadakan pada 07 Disember 2013 (Sabtu), jam 8.00 pagi bertempat di Kompleks 3C, Subang Jaya.

Sistem Pertandingan Kejohanan Catur Terbuka MPSJ 2013 adalah seperti berikut;

- i. Masa : 20 atau 25 minit setiap permainan
- ii. Format : 6 atau 7 pusingan Swiss System
- iii. Kategori Pertandingan dan Yuran Penyertaan:
  - A. Kategori Terbuka = RM 20.00
  - B. Kategori Bawah 18 tahun = RM 10.00
  - C. Kategori Bawah 12 tahun = RM 10.00

Sebarang keterangan lanjut bolehlah menghubungi pihak Urusetia Pertandingan di talian : 03-5637 0279

## **2.11 Karnival Komuniti Taman Kinrara**

Objektif program ini diadakan adalah untuk menggalakkan kegiatan yang sihat dan memberi peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam aktiviti mesra rakyat yang dijalankan oleh MPSJ. Program ini juga dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum melalui penyertaan aktiviti dan menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan program mesra rakyat di peringkat akar umbi ke arah untuk melahirkan dan membentuk budaya perpaduan yang kukuh. Selain itu, ianya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan penduduk khususnya bagi penduduk sekitar Taman Kinrara, Seksyen 2 dengan pihak Majlis.

Program ini akan diadakan pada 14 Disember 2013 (Sabtu), jam 8.00 pagi – 2.00 petang bertempat di Padang Awam, Taman Kinrara, Seksyen 2. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan adalah seperti berikut;

- i. Sukan Rakyat
  - Cari Gula-Gula Dalam Tepung,
  - Kerusi Berirama
  - Boling Kelapa
- ii. Pertandingan Karom Bergu Terbuka
- iii. Pertandingan Tarik Tali Lelaki Terbuka
- iv. Pertandingan Sepak Raga Bulatan
- v. Pertandingan Dam Aji Terbuka
- vi. Pertandingan Congkak Bawah 15 Tahun
- vii. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak (Bawah 10 Tahun)
- viii. Gerai Jualan
- ix. Jualan Buku RM 1.00

## 2.12 Laporan Demam Denggi

Kes denggi di Malaysia secara keseluruhannya (termasuk MPSJ) menunjukkan peningkatan. Bilangan kes denggi yang dilaporkan tahun ini bagi kawasan pentadbiran MPSJ sehingga Minggu Epid 46 (iaitu sehingga 16 November 2013) adalah sebanyak 1976 kes dilaporkan dan sebanyak 761 kes disahkan positif.

Terdapat enam (6) kawasan '*hotspots*' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

- i. Pusat Bandar Puchong 5 (Apartment Sri Jati)  
– 10 Kes
- ii. PJS 9 (Lagoon Perdana), Bandar Sunway  
– 18 Kes
- iii. SS 19/1, Subang Jaya  
– 16 Kes
- iv. Bandar Bukit Puchong (Flat Bandar Bukit Puchong)  
– 10 Kes
- v. Taman Equine (Jalan Putra Permai 2)  
– 10 Kes
- vi. Taman Puchong Permai (A28 – A36)  
– 5 Kes

Bermula pada 01 November 2013, negeri Selangor telah melancarkan **Program Ayuh Gempur Aedes 2013** yang akan berlangsung selama sebulan, di mana aktiviti-aktiviti kawalan dan pencegahan dipertingkatkan lagi termasuk melibatkan kerjasama penduduk untuk memastikan kawasan persekitaran premis dan kediaman mereka bebas daripada tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Manakala pada 30 November 2013 (Sabtu), satu program "**Kempen Cegah Denggi**" akan diadakan di hadapan Pasaraya OTK Puchong Prima, Puchong dari pukul 10 pagi hingga 10 malam dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah dan Panel Penasihat Kesihatan, Klinik Kesihatan Puchong.



### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2013 BERTARIKH 25 OKTOBER 2013.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2013 bertarikh 25 Oktober 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

#### **4.1 Program “Back To School”**

Puan Norhesni binti Ismail memohon supaya pihak Majlis mempercepatkan tarikh pemberian sumbangan berbentuk ‘baucer’ peralatan sekolah daripada pusat membeli-belah yang terpilih kepada penerima sumbangan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) melalui program “Back To School” di kawasan Zon JKP MPSJ.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

#### **4.2 Cadangan Paparan Iklan Kempen Denggi Di Billboard MPSJ**

Encik Tai Cheng Heng mencadangkan supaya pihak Majlis memasang paparan iklan berkaitan ‘kempen cegah denggi’ dan ‘kempen bahaya aedes’ di billboard MPSJ terutama di kawasan-kawasan ‘hotspots’ denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

**Tindakan : Jabatan Perancangan Korporat**

#### **4.3 Status Permohonan CF Oleh Abra Development Sdn. Bhd.**

Encik Chang Kim Loong memohon maklumbalas terkini berhubung status permohonan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) oleh syarikat Abra Development Sdn. Bhd.

**Tindakan : Jabatan Bangunan**

## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 11/2013 Bertarikh 04 November 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.4 m.s 5	En. Micheal Tamilarason a/ K. Nadaysen	Isu Kerja-Kerja Korekan Jalan Tanpa Permit	Beliau mengesyorkan agar Jabatan Kejuruteraan menguatkuasakan peraturan sedia ada terhadap pihak syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan memandangkan terdapat banyak aduan diterima mengenai kerosakan jalan yang boleh membahayakan pengguna jalanraya.  Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar kawalan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dalam memastikan hasil tampalan selepas kerja-kerja korekan jalan adalah

				<p>menepati spesifikasi yang ditetapkan dan mempunyai jaminan ketahanan bagi suatu tempoh yang lama.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar pihak Majlis mengkaji semula kadar deposit yang dikenakan terhadap syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengkaji kaedah yang terbaik dan melihat semula SOP untuk pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan oleh syarikat-syarikat utiliti yang terlibat.</p> <p>Pihak Jabatan turut diminta untuk mengkaji semula kadar deposit dan denda yang dikenakan terhadap syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan ini.</p>
--	--	--	--	---

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
2	Hal-Hal Lain	En. Muzammil bin Hafiz	Penilaian Harga Tender Dan Sebutharga	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat kajian yang menyeluruh terhadap asas penetapan harga dan spesifikasi kerja dalam penyediaan dokumen tender dan sebutharga Majlis.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar pihak Majlis membuat kajian harga pasaran untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi memastikan harga yang ditetapkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat 'best value for money'. Trend harga pembelian dalam urusan perolehan hendaklah diambil kira serta dijadikan sebagai panduan.</p> <p>Bagi perolehan kerja, anggaran Jabatan hendaklah dijadikan asas pengiraan selain perlu mengambil kira harga/indeks kos bahan binaan bangunan dalam pasaran.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan memaklumkan bahawa ianya merupakan satu idea yang baik dalam usaha untuk meningkatkan pelaksanaan dan penambahbaikan berhubung urusan dan tatacara pengurusan perolehan di MPSJ.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Dato' Yang Dipertua amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan idea baru yang dikemukakan oleh Ahli Majlis.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta Jabatan Kontrak &amp; Ukur Bahan dan Jabatan-Jabatan yang terlibat dalam pengurusan perolehan MPSJ supaya mengambil maklum dan membuat tindakan secara pro-aktif berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2013 Bertarikh 07 November 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s 14	En. Chang Kim Loong	Wonderful Insights Sdn. Bhd.	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan terdapat pindaan ke atas keputusan kelulusan permohonan Kebenaran Merancang daripada “<b>Lulus Bersyarat</b>” dipinda kepada “<b>Tanggung</b>”.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato’ Yang Dipertua bersetuju dengan perkara ini dan seterusnya memaklumkan bahawa perkara ini akan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p>
2	para 4.35 m.s 63	En. Chang Kim Loong	Serdang Baru Properties Sdn. Bhd.	Beliau meminta supaya pihak Majlis menyemak semula rekod pembangunan syarikat pemaju Serdang Baru Properties Sdn. Bhd. ini bagi memastikan

				<p>syarikat ini tidak mempunyai rekod tunggakan hasil cukai dengan pihak Majlis bagi projek-projek pembangunan syarikat mereka sebelum ini.</p> <p>Perkara ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya sebelum sebarang keputusan dipertimbangkan bagi permohonan Kebenaran Merancang ini.</p> <p>Beliau turut meminta supaya pihak Majlis membuat semakan sekiranya syarikat ini pernah mempunyai rekod projek-projek terbengkalai di kawasan MPSJ sebelum ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Hasil, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta serta Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**



**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Bil. 22/2013 Bertarikh 19 November 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Chang Kim Loong	Isu CF & TCF	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengadakan satu mesyuarat koordinasi bagi membincangkan isu-isu teknikal berkaitan masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju berhubung permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi perakuan Sijil Layak Menduduki (CF) dan Sijil Layak Menduduki Sementara (TCF) di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Bangunan untuk mengambil tindakan susulan bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut dalam mesyuarat teknikal yang akan diadakan kelak.</p>

2	Hal-Hal Lain	En. Chang Kim Loong	Garis Panduan Ubahsuai Dan Tambahan Bangunan	<p>Beliau memohon supaya isu berkenaan ubahsuai dan tambahan bangunan yang dibuat tanpa mendapatkan kelulusan pihak Majlis perlu diberikan perhatian serius.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat satu dasar dan garis panduan bagi program pemutihan ke atas bangunan yang membuat ubahsuai dan tambahan tanpa kelulusan pihak Majlis.</p> <p>Beliau turut mengesyorkan agar kawasan Bandar Puteri dipilih sebagai projek perintis untuk program pemutihan ini dan penduduk diberikan pengecualian daripada tindakan penguatkuasaan untuk tempoh enam (6) bulan sepanjang program pemutihan ini dijalankan bagi memberi peluang kepada mereka untuk membuat permohonan kelulusan daripada pihak Majlis secara sah.</p>
---	--------------	---------------------	--	--

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar untuk membuat kajian dan garis panduan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di peringkat Jawatankuasa OSC.</p> <p>Perkara ini akan dijadikan sebagai dasar Majlis setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut bersetuju agar Bandar Puteri dipilih untuk pelaksanaan sebagai projek perintis bagi program pemutihan ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 11/2013 Bertarikh 13 November 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.3 m.s 5	En. Chang Kim Loong	Hakisan Tanah Di Belakang SRK Pusat Bandar Puchong (2)	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera bagi menangani isu hakisan tanah yang berlaku di belakang SRK Pusat Bandar Puchong (2).  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil perhatian serius berhubung perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan susulan untuk mengeluarkan surat arahan kepada syarikat PNSB bagi menjalankan kerja- kerja membaikpulih hakisan tanah tersebut dengan kadar segera.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 08/2013 Bertarikh 14 November 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 11/2013 Bertarikh 15 November 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 11/2013 Bertarikh 18 November 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.1 m.s 9	En. Muzammil bin Hafiz	Kertas Laporan Kerja Segera Inden JKP MPSJ 2013	Beliau mengesyorkan agar pihak urusetia pengurusan kerja segera inden JKP MPSJ dapat melihat ruang-ruang yang

				<p>boleh dibuat penambahbaikan bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan pelaksanaan kerja segera inden JKP.</p> <p>Beliau turut memohon pertimbangan agar peruntukan kerja segera inden JKP MPSJ bagi tahun 2014 dapat digunakan lebih awal bagi membolehkan perancangan yang dibuat oleh pihak JKP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p> <p>Selain itu, beliau turut menyentuh berkaitan isu kualiti penghasilan kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor perlu diberikan perhatian yang sewajarnya bagi mengelakkan pelaksanaan kerja yang tidak berkualiti serta tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan</p>
--	--	--	--	--

				<p>Jabatan-Jabatan Teknikal yang terlibat mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut meminta supaya aspek penelitian terhadap kualiti dan spesifikasi kerja perlu diperhalusi bagi mencegah daripada berlakunya sebarang kerosakan dan "defect" terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 11/2013 Bertarikh 18 November 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 11/2013  
Bertarikh 20 November 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**



## **6.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

- 6.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

### **'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**